


SULIT**Bahagian A**

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada kelebihan individu yang berilmu pengetahuan.

Huraikan pendapat anda tentang kelebihan menguasai ilmu pengetahuan kepada pelajar. Panjangnya huriahan hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

KELEBIHAN MENGUASAI ILMU PENGETAHUAN

Melanjutkan pelajaran



Mendapat pekerjaan



Menyelesaikan masalah

Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah ini dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- 1 Setiap warganegara di negara ini perlu mempunyai semangat cinta akan negara .
Jelaskan cara-cara anda menunjukkan semangat cinta akan negara.
- 2 Kesedaran sivik seperti amalan bertoleransi, mematuhi peraturan dan menjaga harta benda awam merupakan antara aspek penting dalam kehidupan bermasyarakat.
Huraikan peranan ibu bapa untuk menerapkan kesedaran sivik dalam diri anak-anak.
- 3 Terdapat pelbagai cara untuk menghargai warga tua.
Bincangkan usaha-usaha pelbagai pihak untuk menghargai jasa mereka.
- 4 Krisis makanan yang melanda beberapa buah negara di dunia berpunca daripada beberapa faktor.
Tulis rencana tentang faktor-faktor berlakunya krisis tersebut.
- 5 *Apabila terpelihara lidah,
Nescaya dapat daripadanya faedah*

Petikan gurindam di atas membawa maksud kebaikan yang diperoleh apabila kita menjaga tutur kata dalam kehidupan seharian.
Ulas pernyataan tersebut.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

SULIT

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang faedah-faedah penggunaan dron dalam pengurusan hutan dan cara-cara untuk menggalakkan penggunaan dron. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Dron atau pesawat tanpa permandu (UAV) ialah pesawat tanpa juruterbang yang dikawal jauh oleh juruterbang, sama ada juruterbang ini berada di stesen kawalan atau UAV diterbangkan secara automatik berdasarkan penerbangan praprogram yang dirancang oleh individu yang pakar atau terlatih sahaja. Belakangan ini, keupayaan dron lebih terserlah setelah ditingkatkan perkakasan kemudahan rakaman. Lantaran itu, seiring dengan perkembangan teknologi globalisasi pada hari ini, penggunaan dron menjadi pilihan pengkaji dalam pelaksanaan aktiviti penyelidikan dan pengurusan perhutanan. Hal ini dikatakan dalam pelaksanaan aktiviti penyelidikan dan pengurusan perhutanan. Hal ini dikatakan sedemikian kerana dron dapat diubah suai daripada pelbagai aspek untuk membantu memberikan hasil yang terbaik.

Aktiviti pengumpulan maklumat lapangan dengan menggunakan dron memerlukan perancangan kerja yang teliti kerana keadaan keliling kawasan perlu diambil kira. Bagi kawasan hutan yang agak ekstrem, perancangan yang teliti seperti mengenal pasti keadaan awan, cuaca dan faktor keliling perlu diambil kira. Dalam konteks ini, pihak Jabatan Perhutanan mengorak langkah dengan menggunakan dron untuk melakukan kerja pemantauan dan pengurusan hutan. Dron mampu bergerak dengan jarak yang laju dan jauh, iaitu sehingga 100 kilometer dengan sekali penerbangan. Oleh hal yang demikian, alat tersebut dapat membantu jabatan ini memantau aktiviti kawasan hutan dengan lebih sistematis dan berkesan. Sementara itu, penambahan kemudahan rakaman dalam bentuk audio - visual membolehkan gambar kawasan hutan yang diambil, diolah menjadi data pelbagai guna seterusnya menambahkan nilai cerapan.

Di samping itu, penyelidik di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) mengkaji kegunaan dron untuk membantu kajian pemantauan aktiviti pembalakan dan kajian keadaan status kesihatan hutan untuk membolehkan tindak balas terhadap kawasan difokuskan serta tindakan segera kepada kawasan berimpak, seperti tanah runtuh atau kebakaran, dapat dilakukan. Berdasarkan hasil awal daripada kajian FRIM, didapati bahawa pengaplikasian dron dengan konsep perhutanan dapat membantu perolehan data untuk pemetaan yang lebih jitu. Pada masa yang sama, penggunaan tenaga kerja dalam bidang perhutanan dapat diminimumkan. Bagi aktiviti pemantauan hutan yang luas, dron jenis sayap kekal digunakan. Dron jenis ini mampu bergerak jauh dan tempoh penerbangannya lama. Walau bagaimanapun, ada juga kekangan terhadap penggunaan dron jenis ini dalam aktiviti pemantauan kawasan hutan kerana dron ini memerlukan kawasan untuk berlepas dan mendarat.

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**[30 markah]****Jawab semua soalan.**

- (a) Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) tulis
- (ii) penulisan
- (iii) tetap
- (iv) penetapan
- (v) tampal
- (vi) penampalan

[6 markah]

- (b) Cerakinkan setiap ayat majmuk kepada dua ayat tunggal tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Kedua-dua orang mempelai tersebut ke pelamin lalu duduk bersanding.
- (ii) Ribut taufan yang melanda negara itu amat dahsyat sekali.
- (iii) Bunyi enjin kereta lumba itu sangat kuat sehingga memekakkan telinga.

[6 markah]

- (c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Para peserta pertandingan robotik di sekolah itu perlu mematuhi aturcara yang telah ditetapkan oleh pihak pengajuran.
- (ii) Masyarakat Jepun memang terkenal di seluruh dunia kerana mereka sangat taksub dan amat dibanggakan dengan budaya dan keturunan mereka.
- (iii) Pakar jururawat klinikal perlu mendaagnosis dan merawat pesakit serta memberikan khidmat pakar perundingan untuk kakitangan kejururawatan.

[6 markah]

Soalan 2(c) - Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Hatta, maka baginda fikir berbicara hendak memuafakatkan Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja. Maka baginda pun menyuruh memanggil Seri Nara Diraja; maka dia pun hadirlah. Maka titah Sultan Muzaffar Syah, "Mahukah Seri Nara Diraja beristeri?"

Maka sembahnya, "Jikalau ada kurnia Duli Yang Dipertuan, baiklah, tuanku."

Maka titah baginda, "Mahukah Seri Nara Diraja akan Tun Bulan, anak Orang Kaya Hitam?"

Maka sembahnya, "Mohon patik taunku."

Maka titah baginda, "Mahukah akan Tun Rakna Sandari, saudara Paduka Raja itu?"

Maka sembahnya, "Mohon patik, tuanku."

Maka titah baginda, "Mahukah akan Tun Kanaka, saudara Bendahara Seri Wak Raja?"

Maka sembahnya, "Mohon patik tuanku."

Maka beberapa anak orang besar-besar ditanyakan oleh sultan, tiada juga berkenan pada Seri Nara Diraja. Maka titah Sultan, "Mahukah Seri Nara Diraja akan Tun Kudu, anak Bendahara Seri Wak Raja, saudara Paduka Raja?"

Maka sembahnya, "Daulat, tuanku."

Adapun akan Tun Kudu itu diperisteri Duli Yang Dipertuan, terlalu baik rupanya, tetapi matanya juling sedikit. Telah baginda mendengar sembah Seri Nara Diraja demikian, maka dengan sesaat itu juga *ditalak baginda*, dihantarkan ke rumah Paduka Raja, diberi belanja, disuruh berhadir akan kahwin dengan Seri Nara Diraja.

Dipetik daripada 'Burung Terbang Dipipiskan Lada'
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *ditalak baginda*. [2 markah]
- (ii) Nyatakan tindakan sultan setelah Seri Nara Diraja bersetuju memperisteri Tun Kudu? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah yang mempengaruhi Seri Nara Diraja bersetuju dengan tawaran sultan untuk berkahwin dengan Tun Kudu? [3 markah]

- (d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*
- (i) Pemprosesan bahan buangan yang dapat diguna semula merupakan inisiatif yang sangat berkesan di dalam meningkatkan produktiviti sampingan negara.
- (ii) Golongan remaja perlu mengetahui tanggungjawab yang mereka harus pikul untuk membantu bahagian pelancongan negara.
- (iii) Amalan membaca artikel-artikel dengan berkaitan tentang sejarah kemerdekaan tanah air perlu digalakkan agar semangat patriotik dapat diserapkan dalam jiwa.
- [6 markah]
- (e) *Berikan peribahasa yang bersesuaian dengan maksud peribahasa di bawah.*
- (i) Orang yang lupa akan asalnya atau orang yang telah membantunya.
- (ii) Sesuatu perkara biasanya dilebih-lebihkan daripada keadaan sebenarnya.
- (iii) Orang yang sangat dikasihi dan dipelihara dengan sempurna.
- [6 markah]

Sektor perhutanan tidak mahu ketinggalan dalam penggunaan teknologi terkini, seperti dron, dalam pengurusan dan penyelidikan perhutanan. Penggunaan dron oleh Jabatan Perhutanan dalam pemantauan kawasan hutan, dan oleh FRIM dalam penyelidikan ternyata dapat menjimatkan kos dalam jangka masa yang panjang. Penggunaan dron menyumbang aktiviti yang berkaitan dengan pengurusan hutan secara signifikan. Berdasarkan hasil penggunaan dan penyelidikan, didapati bahawa dron ialah fenomena baharu dalam sektor perhutanan negara.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Dron dalam Pengurusan Hutan' oleh Mohd. Izwan Ramli
Dewan Kosmik, Mac 2017

Soalan 2(a) - Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *ditingkatkan perkakasan*. [2 markah]
- (ii) Pengarang menyatakan bahawa terdapat beberapa masalah daripada penggunaan dron dalam pengurusan hutan.
Nyatakan masalah-masalah tersebut. [3 markah]
- (iii) Dron digunakan secara meluas dalam pelbagai bidang pada hari ini.
Pada pendapat anda, selain fungsinya merakamkan gambar atau video apakah fungsi-fungsi dron yang lain? [4 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Mat Darin
- (ii) Letenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latif bin Talib
- (iii) Di Sebalik Dunia karya Dayang Noor
- (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (v) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (vi) Tirani karya Beb Sabariah
- (vii) Silir Diksina karya Nizar Parman
- (viii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop

(a) Jelaskan dua peristiwa yang dapat menimbulkan kesedaran kepada pembaca dalam sebuah novel yang telah anda kaji dan berikan sebab-sebab anda berpendapat demikian.

[7 markah]

(b) Berdasarkan dua buah novel yang telah anda kaji,uraikan satu peristiwa yang memaparkan nilai kebijaksanaan yang terdapat dalam setiap novel.

[8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

Soalan 2(d) – Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

ERTI HIDUP BERERTI

Aku selalu didatangi
malam sepi
bagai kalung
yang melingkari leherku
tidak berubah keesokan hari
siapa yang akan datang menjengukku
keluhan seorang tua sunyi.

Keheningan tasik
kehijauan rumput
hanya menjadi bayangan
di penjuru ruang zaman
cinta dalam rahim dilupai
dari sulung ditendang ke bongsu
dari angah ditendang ke sulung balik
kucari erti hidup
menderita mengerang sakit
berdiri tanpa ruang.

Aku bagi mereka
tiada makna
anakku bakaku
baik setia mahupun derhaka
semoga disirami benih keinsafan
menjadi penawar dalam hati
embun cinta atasi angin dingin
jangan terpegun
ada yang mati
ada yang hidup
tiada yang kekal kecuali Tuhan.

Teo Wei Sing
Suara Anak Pahang, 2009
Pekan Ilmu Sdn. Bhd
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Nyatakan sebab-sebab aku mengeluh kesunyian? [2 markah]
- (ii) Terdapat segelintir anak-anak yang mengabaikan tanggungjawab terhadap ibu bapa. Pada pendapat anda, apakah sebab-sebab anak-anak pada masa ini mengabaikan tanggungjawab terhadap ibu bapa? [3 markah]
- (iii) Huraikan satu persoalan yang terdapat dalam rangkap 2 dan satu persoalan dalam rangkap 3 sajak tersebut. [4 markah]

Soalan 2(b) – Petikan Prosa Modern

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Cenderamata untuk pensyarah-pensyarah yang banyak berjasa membimbangku semasa melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana. Aku bercadang untuk membelikan Profesor Siti Zainon, Dr. Shaiful Bahri dan Dr. Rosnah sesuatu yang boleh dijadikan kenang-kenangan. Jenis barangannya, aku tidak pasti. Namun, sesuatu yang sesuai dengan taraf intelektual dan minat mereka. Aku menetapkan anggaran harga maksimum sekitar USD40.

Cenderamata untuk diri sendiri, memadailah jika aku dapat membeli beberapa buah buku yang diterbitkan di Turki dan mengambil seberapa banyak gambar dengan menggunakan kamera digitalku. Aku menganggarkan perbelanjaan sekitar USD50 kerana harga buku biasanya mahal. Sebenarnya, setiap kali berpergian, aku berpeluang mengumpulkan banyak cenderamata secara percuma. Dari hotel, biasanya aku memperoleh botol syampu, botol sabun buih, poskad, mancis, selipar, pen, pensel, uncang teh, uncang gula, atau apa-apa sahaja termasuk alat pengilat kasut.

Senarainya pasti bertambah panjang jika aku memasukkan bekas botol air mineral, pembungkus coklat, pembungkus gula-gula, resit pembelian, tiket feri, tiket muzium, beg plastik, dan baki duit syiling negara luar, ke dalam kategori cenderamata.

Dipetik daripada cerpen ‘Jaket Kulit Kijang dari Istanbul’
oleh Maskiah Haji Masrom
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*
Kementerian Pendidikan Malaysia.

- (i) Apakah yang difikirkan oleh ‘aku’ sebelum membeli cenderamata untuk para pensyarahnya ? [2 markah]
- (ii) Melancang ke luar negara menjadi idaman semua orang.
Pada pendapat anda, apakah persediaan-persediaan yang perlu dilakukan sebelum melancang ke luar negara ? [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** pengajaran yang terdapat dalam petikan dan **satu** pengajaran lain daripada keseluruhan cerpen yang tidak terdapat dalam petikan.
[4 markah]